

21 SEP 2003

JAMALUDIN-IMF/I

IMF BERSIFAT PENYAYANG DI BAWAH KOHLER, KATA JAMALUDIN JARJIS

Oleh: Mohd Arshi Daud

DUBAI (Emiriah Arab Bersatu), 21 Sept (Bernama) -- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), yang kini diketuai oleh Dr Horst Kohler, nampaknya seperti mengambil pendekatan penyayang dan lebih bersikap memahami negara-negara membangun, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

"Kepimpinan IMF masa kini kelihatan mengambil pendekatan persamaan antara negara-negara maju dan membangun. Dengan Encik Kohler menerajui, saya boleh lihat negara-negara membangun lebih menunjukkan rasa hormat kepada tabung itu," katanya kepada wartawan Malaysia di luar mesyuarat tahunan Bank Dunia/IMF di sini.

IMF dan Bank Dunia ditubuhkan dalam tahun 1944 untuk membantu membina semula dunia yang musnah dalam Peperangan Dunia Kedua. Tanggungjawab kedua-duanya hari ini termasuk mengurangkan kemiskinan secara mampan, perlindungan alam sekitar dan memberi bantuan untuk membiayai projek-projek kerja awam yang besar.

Di bawah pengurusan IMF yang dahulu, Dr Jamaludin berkata, ia dilihat oleh negara-negara membangun sebagai condong melindungi kepentingan negara Utara (atau negara-negara maju) dan malah sehingga memberi kemudahan kepada negara-negara Selatan.

Dr Kohler, seorang rakyat Jerman, mengambil alih daripada Michel Camdessus dari Perancis untuk mengetuai IMF kira-kira tiga tahun lepas.

Sebagai contoh, di mesyuarat Bank Dunia/IMF di sini, Dr Kohler menekankan mengenai diperbaiki prospek pertumbuhan dan mengurangkan kemiskinan di negara-negara membangun.

Beliau turut mengumumkan pelbagai keutamaan bagi negara-negara membangun. Ia termasuk menambah baik institusi untuk menunjangi kestabilan politik dan kesamaan tadbir urus, mengukuhkan kerangka dasar ekonomi makro; menggalakkan persaingan, perdagangan dan pelaburan asing; dan memajukan prasaranan fizikal dan sosial, termasuk sektor pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Dr Jamaludin, yang turut mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat Bank Dunia/IMF, berkata, dengan Kohler sebagai pengarah urusan, "satu masa hadapan yang lebih cerah boleh diharapkan untuk negara-negara membangun."

"Saya nampak beliau diberi penghormatan daripada para delegasi," katanya.

Dr Kohler, ketika mesyuarat Jawatankuasa Antarabangsa, Mata wang dan Kewangan pada hari Ahad -- yang diadakan terlebih dahulu daripada mesyuarat Bank Dunia/IMF sebenar pada hari Selasa dan Rabu -- berjanji untuk membantu negara-negara membangun membuka pasaran masing-masing mengikut keupayaan masing-masing, kata Dr Jamaludin.

"Saya lihat IMF kini lebih bersikap penyayang. Dalam pertemuan, dia juga menyentuh pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir awal bulan ini. Jelas di sini dia menghormati negara-negara membangun," katanya.

Menjawab satu soalan lain, Dr Jamaludin, yang menjadi Menteri Kewangan Kedua kurang sedikit setahun, berkata, beliau yang berkhidmat lama dalam sektor korporat telah menjadi satu aset terbesar yang membantunya merasa "selesa" untuk membincangkan isu-isu "panas" di forum antarabangsa seperti mesyuarat-mesyuarat Bank Dunia/IMF. -- BERNAMA

MAD SHY AHM